

January 2015



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

th
ISSUE

69 info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



PROGRAM ORIENTASI STAF BAHARU (PENTADBIRAN) UiTM SARAWAK

Pada 28 April 2014, telah diadakan Program Orientasi Staf Baharu (Pentadbiran) UiTM Sarawak di Kampus Mukah selama 3 hari bermula pada hari Isnin sehingga hari Rabu. Program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada staf baru seramai 80 orang tentang UiTM Sarawak serta fungsi-fungsi yang terdapat pada setiap bahagian.

Para peserta orientasi bertolak daripada UiTM Samarahan pada hari 27 April 2014 dengan menggunakan kenderaan Universiti. Perjalanan dari UiTM Samarahan ke UiTM Mukah mengambil masa selama 8 jam di mana pemandu memberhentikan bas beberapa kali untuk memberi ruang kepada peserta untuk berehat dan makan. Bas telah bertolak pada pukul 9 pagi dan tiba di UiTM Mukah pada pukul 7 malam pada hari yang sama. Selepas para peserta selesai mendaftar masuk bilik asrama, mereka dihidangkan makan malam dan seterusnya diberi 'briefing' tentang jadual dan aturcara program sepanjang 3 hari berada di UiTM Mukah.

Pada hari pertama, Encik Mohd Noor Asraff, Penolong Pendaftar Pentadbiran selaku Pengerusi program orientasi memberi sepatah dua kata sebelum bermulanya program orientasi. Program bermula dengan taklimat daripada Encik Ahmad Lotfi Haji Arrifin, Timbalan Pendaftar Kanan Bahagian Pentadbiran dengan memberikan maklumat dan pencerahan tentang fungsi dan struktur Bahagian Pentadbiran. Program diteruskan dengan taklimat daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) di mana ianya dibentangkan oleh Encik Mohd Syafiee Hamdin selaku Penolong Pendaftar HEP.


Setelah selesainya taklimat daripada Bahagian HEP, Yang Berbahagia Rektor UiTM Sarawak, Profesor Dato Dr. Jamil Hamali memberikan ucapan beliau dengan memberikan semangat dan inspirasi kepada para peserta dalam menerima dan menempuh cabaran pada masa akan datang kerana para peserta inilah yang akan menggantikan mereka yang telah lama berkhidmat di UiTM. Setelah selesai ucapan daripada beliau, program berlangsung semula pada pukul 2 petang selepas rehat dan makan tengah hari dengan sesi taklimat daripada Bahagian Perpustakaan.

Pada keesokan harinya, taklimat bermula pada pukul 10 pagi dengan taklimat daripada Bahagian Kewangan yang disampaikan oleh Haji Ahmad Zuki Haji Hasan, Timbalan Bendahari UiTM Sarawak. Tuan Haji Ahmad Zuki memberi penerangan tentang cara pembayaran tuntutan perjalanan, fungsi dan peranan Pejabat Kewangan serta bajet-bajet tahunan yang telah diperuntukkan kepada setiap bahagian dalam menjalankan program dan aktiviti masing-masing. Setelah itu bersambung pula dengan taklimat motivasi daripada Timbalan Pengarah Biro Perkhidmatan Pendidikan Majlis Islam Sarawak (BPP-MIS), Haji Dr. Zulwali Kifli Merawi yang berlangsung selama 4 jam. Dr. Zulwali memberi taklimat bagaimana staf harus membantu satu sama lain dan merancang pembahagian tugas supaya ianya dapat diselesaikan dengan cekap dan cepat.



Setelah selesai taklimat motivasi, acara berlangsung semula pada sebelah malam di mana para peserta membuat persembahan lakonan dan nyanyian yang melibatkan 5 kumpulan dan telah diadili oleh Yang Berbahagia Dato Rektor. Program santai tersebut berlangsung selama 3 jam dan berakhir pada pukul 11.00 malam. Pada hari berikutnya, taklimat daripada Unit Polis Bantuan telah disampaikan oleh ASP Mazlan Takap di mana beliau menerangkan tentang larangan dan undang-undang yang perlu dipatuhi oleh setiap staf di dalam kawasan universiti. Setelah itu, taklimat yang terakhir adalah daripada Bahagian Hal Ehwal Akademik yang disampaikan oleh Encik Mohamad Hasimi Abdullah merangkap sebagai Penolong Pendaftar HEA. Encik Hasimi menerangkan perkara yang berkaitan dengan akademik yang perlu dipatuhi dan diketahui oleh para peserta.

Aktiviti *Esprit De Corp* telah dijalankan pada sebelah petang di mana Encik Muntill Bachok mengetuai program pada petang tersebut. Pelbagai aktiviti sukan telah dijalankan dan mencapai objektif *Esprit De Corp* iaitu mengeluarkan peluh dan menjalinkan kerjasama berpasukan. Setelah selesainya program tersebut, Program Orientasi secara rasminya telah selesai dan para peserta berangkat pulang ke UiTM Samarahan pada keesokan harinya dengan menggunakan kenderaan universiti.



PROGRAM PICK AND PACK RAMBUTAN

Oleh: Ardiana Mazwa Raudah bt. Amir Abdullah

Program *Pick And Pack Rambutan* 2014 telah diadakan pada 17-18 Disember 2014 di Ladang UiTM Sarawak Kampus Samarahan 1. Ladang UiTM Sarawak yang seluas 16 hektar secara keseluruhan ditanam dengan 21 jenis tanaman buah-buahan dan pokok seperti rambutan, nangka, cempedak, durian, mangga, belimbing, jambu batu, kopi, kelapa, kelapa sawit dan pokok getah.

Ini merupakan kali ke-3 program *Pick And Pack Rambutan* diadakan selepas tahun 2011 dan 2012. Program ini terbuka kepada kakitangan UiTM, pelajar sekolah serta orang awam yang berminat untuk menyertainya.

Objektif utama program ini dijalankan adalah untuk memberi peluang kepada peserta merasai sendiri pengalaman memetik buah-buahan (rambutan) di dalam dusun lebih-lebih lagi kepada kanak-kanak yang mungkin tidak pernah merasainya. Selain itu juga ia memupuk kesedaran betapa pentingnya mengekalkan kehijauan alam semulajadi untuk kepentingan masa hadapan.



January 2015



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

th
ISSUE

69

info *kampus*

UITM SARAWAK BULLETIN

